

Suara dari Tanah Suci:

# *Khushbah Jumaat dari Masjidil Haram*

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāt

Imam Besar Masjidil Haram

*Al-ḥamdulī ‘Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāhibu alfaḍli wa al-an‘ām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahu lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidinā Muḥammadā ‘abduhu wa rasūluhu saiyidi al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallam ‘ala ‘abdika warasūlika Muḥammad, wa ‘ala alihi waṣaḥbihi ... amma ba‘du fayā ‘ibād Allāh ittaqū Allāh!*

Terjemahan: Wahyu Qalam

**Wahai sekalian hamba Allah,**

**takutilah kamu akan Allah!**

Ketika Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* membukakan dada hamba-Nya untuk menerima Islam sebagai agama kepercayaannya, maka memancarlah dari hati nuraninya *Nūr al-‘Imān* (Cahaya Keimanan) yang gilang gemilang menerangi segala kegelapan kalbunya yang kotor bernoda, di kala itu terserlahlah di hadapan matanya segala haq dan kebenaran, terang-benderanglah pemandangan menuju ke jalan yang lurus dan tertutuplah hawa nafsunya untuk melakukan sesuatu perbuatan mungkar yang dikutuki Allah, lantas ia menerima segala kebaikan yang dilorongkan Allah kepadanya dengan dada yang lapang. Semuanya ini adalah berkat taufik dan hidayah yang diturunkan Allah kepada setiap hamba yang dikasihi-Nya.

Berlainan halnya dengan orang-orang yang dibutakan mata hati mereka, mereka dibiarkan teraba-raba tinggal di alam kesesatan yang nyata. Mereka melihat haq kebenaran, tetapi mereka tidak diberikan petunjuk ke jalan yang benar, orang-orang ini memilih perkara-perkara yang

*bāḥīl* (salah) sedang perkara yang *ḥaq* (benar) terbentang di hadapan mata kepala mereka. Disangkanya barang *bāḥīl* itu benar, disangkanya dirinya sentiasa mendapat petunjuk dari Allah. Berhubung dengan dua golongan ini Allah telah menunjukkan contoh yang terang nyata dengan firman-Nya di dalam *Sūrah Al-An‘ām* ayat (122):

**“*Awaman kāna maytā fa’ahyaynahu waja‘alnā lahu, nūrā yamshi bihi fi al-nās, kaman mathaluhu, fi al-zulumati laysa bikhārijī minhā*”.** Maksudnya:

“Dan apakah orang yang (tadinya) mati, lalu kami hidupkan dia dan Kami adakan baginya cahaya yang ia berjalan dengannya di antara manusia, sama seperti orang yang di dalam kegelapan, yang ia tidak akan dapat keluar daripadanya.”

Di dalam kitab-kitab tafsir menerangkan bahawa erti kalimah (***maytā***) “orang yang mati” itu ialah orang yang mati hatinya tidak mahu menerima haq dan kebenaran, ia lebih suka duduk di dalam lembah kekufuran yang gelap-gelita. Ada pun erti kalimah (***fa’ahyaynahu***)

“lalu kami hidupkan dia” ialah kami hidupkan hati nuraninya mahu menerima hidayah dan pertunjuk dari Allah. Atau makna lebih jelas yang dituju oleh ayat itu ialah “Apakah orang yang tadinya sesat kemudian diberi Allah pertunjuk ke jalan yang benar.” “***Ja‘alnā lahu nūrā***”. Kalimah (***nūrā***) di dalam ayat ini maksudnya ialah agama Islam atau al-Qur’ān yang menyuluh hati-hati manusia yang berjalan mencari haq dan kebenaran, supaya mereka dapat hidayah dan pertunjuk dari Tuhan untuk hidup sebagai seorang Mukmin yang taat setia kepada perintah-perintah agamanya.

**Sidang Jumaat yang mulia:**

Di dalam ayat tersebut Tuhan memperbezakan di antara sifat-sifat orang Mukmin dengan sifat-sifat orang yang sesat tidak mahu menerima hidayah. Orang-orang yang sesat ini selamanya tidak jujur terhadap orang-orang Mukminin dan sentiasa berniat jahat hendak memperdayakan orang-orang Mukminin itu supaya masuk ke dalam perangkap mereka.

## Khutbah Jumaat . . .

Dalam soal ini para Sahabat pernah bertanya kepada Rasulullah *ṣalla ‘alayhi wa sallam* tentang alamat atau tanda-tanda yang menunjukkan seseorang itu telah dibukakan Allah dadanya untuk menerima hidayah dari Tuhan, soalan ini mereka turunkan setelah turunnya ayat Tuhan yang berbunyi: **“Faman yuridu Allāh an yahdiyahu yashrah ṣadrahu li al-Islām.”** Maksudnya: “Barang siapa yang dikehendaki Allah akan menunjukkannya nescaya terbukalah dadanya buat memeluk agama Islam.” Maka jawab Rasul Allah: “Alamat yang menunjukkan seseorang itu telah dibukakan Allah dadanya, ialah hatinya sentiasa cenderung kepada kehidupan di hari Akhirat dan merasa keluh-kesah hidup di dunia, dan selalu bersedia menghadapi mati sebelum tiba masanya.”

Itulah dia di antara tanda-tanda yang menunjukkan seseorang Muslim itu telah dibukakan Allah dada dan pintu hatinya, di dalam hidupnya ia lebih suka memencilkan diri sewaktu beribadah kepada Tuhannya, seolah-olah ia merupakan sebagai seorang dagang di dunia ini, hati dan jiwanya sentiasa mengharap hidup di kelilingi nikmat yang kekal abadi di taman syurga yang indah permai pada hari Akhirat nanti, maka untuk mencapai itu semuanya ia harus bersungguh-sungguh melakukan amal ibadah, dan berlumba-lumba melakukan amal soleh, sanggup menahan hawa nafsunya daripada tipu daya dunia yang akan

menceburkan dirinya ke jurang maksiat sebagai batu penghalang untuk menutup jalannya menuju ke taman syurga yang menjadi idaman hatinya.

Ia tetap memandang bahawa kehidupan di dunia ini hanya buat sementara waktu sahaja, sementara nyawa masih ada di badan. Oleh itu ia tidak akan memegah-megah dengan nikmat-nikmat dunia yang diberikan Tuhan kepadanya, walau bagaimana agung dan besarnya nikmat-nikmat itu. Ia hanya mengambil kadar secukupnya untuk sara hidupnya sekeluarga, yang selebihnya dipergunakan untuk agama, tanah air dan masyarakat umum yang berada di sekelilingnya. Ia tetap yakin dan percaya akan firman Tuhan yang tecatit di dalam *Sūrah Ali ‘Imrān* ayat (158) berbunyi: **“Wamā al-ḥayāt al-dunyā illā matā‘u al-ghurūr”** Ertinya: “Tiadalah hidup di dunia ini melainkan mata benda yang memperdayakan.”

Ia sentiasa ingat akan hari kesudahan yang mesti dilalui oleh setiap makhluk yang bernyawa, yaitu hari mati yang akan menceraikan hubungannya dengan alam dunia. Hari itu pasti akan tiba, setiap orang Muslim janganlah melupakan hari perpindahannya dari alam fana’ ke alam baqa’. Kalau pada saat ini hari perpindahan itu sampai gilirannya pada orang lain, maka tunggulah gilirannya tiba kepada kamu, lambat laun ia pasti akan tiba kepada kamu.

Firman Allah di dalam *Sūrah Ali ‘Imrān* ayat (158): **“Kullu nafsi dhā‘iqatu al-mawt.”** Ertinya: “Setiap yang bernyawa itu akan merasai (menemui) mati”. Apabila sampai masanya tidak seorang jua pun yang sanggup menangguhkan hari

kematian itu, seperti firman Allah:

**“Faidhā jā’a ajaluhum lā yasta’khirūn sā‘at walā yastaqdimūn”** Ertinya: “Maka apabila datanglah (sampailah atau tibalah) ajal mereka itu ia tidak akan terlambat walau sesaat dan tidak pula tercepat.” *Sūrah An-Nahl* ayat (61).

### Wahai sekalian kaum Muslimin!

Oleh itu bersedialah dari sekarang untuk menghadapi hari mati sebelum ia datang menemui kamu, kerana pada hari itu segala suatu yang berada di sekeliling kamu tidak akan berkuasa lagi menolong kamu, semuanya tidak berfaedah lagi buat kamu. Harta kekayaan tak boleh dibawa sama dan anak-pinak tak akan sudi mengikut kamu bersama-sama di liang lahad. Yang sudi bersama-sama dengan kamu ke liang gelap itu hanyalah amal kebajikan yang telah kamu kerjakan semasa kamu berada di alam dunia. Inilah sahaja satu-satunya teman kamu yang sanggup membela nasib kamu di alam akhirat.

Kembali kita membicarakan soal amal soleh atau sebaliknya. Ada pun tentang pembicaraan berhubung dengan amal soleh telah kita perkatakan dalam mauduk orang yang mendapat hidayah dan pertunjuk ke jalan yang benar menurut firman Allah di dalam *Sūrah Al-An‘ām* ayat (122) yang lalu. Sekarang marilah pula kita menghuraikan sifat-sifat orang yang tidak mahu mengerjakan amal soleh itu. Allah telah memberi contoh akan sifat-sifat mereka itu di dalam firman-Nya: **“Kaman mithlihi fi al-zulmāti laysa bikhārijī minha, kadhalika zuyyina lil-kāfirīn mā kānū ya‘malūn”** Ertinya: “Mereka serupa dengan orang

yang tinggal di dalam gelap gelita, tiada boleh keluar daripadanya, demikianlah orang-orang kafir itu memandang baik akan perbuatan yang mereka lakukan.” *Sūrah Al-An‘ām* ayat (122).

Sebagaimana orang-orang kafir itu memandang baik segala pekerjaan yang mereka lakukan di dunia ini, maka orang-orang yang tidak mahu mengerjakan amal soleh itu demikian pula sifat mereka. Mereka menyangka segala perbuatan-perbuatan maksiat dan mungkar yang mereka lakukan itu adalah baik dan berfaedah untuk diri mereka. Cita-cita hidup mereka ditujukan semata-mata untuk faedah diri dan kepentingan dunia sahaja. Mereka ikutkan segala kemahuan hawa nafsu mereka yang durjana dengan tidak memperhitungkan pembalasan-pembalasan azab yang akan mereka terima pada hari Akhirat kelak. Pada mereka menurutkan kemahuan hawa nafsu itu lebih indah dan lebih berbahagia daripada menerima hidayah Tuhan menuju ke jalan yang benar.

Sesungguhnya mereka itu orang yang paling rugi di dalam amalan, orang-orang inilah yang disifatkan Tuhan sebagai orang-orang yang sesat dan rendah taraf kehidupan mereka pada sisi orang-orang yang soleh, lantaran mereka menyangka bahawa segala perbuatan maksiat dan kemungkaran yang mereka lakukan itu adalah daripada perbuatan-perbuatan yang baik dan disanjung tinggi oleh semua golongan masyarakat. Pada hal perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan itu adalah dilaknat Allah dan dikutuki oleh seluruh masyarakat bangsanya sendiri. Bacalah

suatu sindiran Tuhan terhadap mereka itu di dalam *Sūrah Al-Kahfi* ayat (104):

*“Alladhīna ḡalla sa‘yuhum fi al-ḥayati al-dunyā wahum yaḥsabūna annahum yuḥsinūna ṣun‘ā”* Ertinya:

“Mereka itulah orang-orang yang telah sesat usahanya di dalam kehidupan di dunia ini, sedang mereka menduga (menyangka) bahawa usaha mereka itulah yang lebih baik.”

#### **Sidang Jumaat yang mulia!**

Kalau kita membalik-balik lembaran sejarah Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib (*karam Allāhu wajhah*), maka kita dapati beliau adalah sentiasa menjaga diri dan tersangat takut dihindangi oleh penyakit angan-angan yang tidak mempunyai apa-apa tujuan dan penyakit *“Itbā‘ Al-Hawa”* – terpengaruh dengan hawa nafsu – yang akan menjerumuskan seseorang ke jurang kebinasaan hidup dunia dan akhirat. Sewaktu menggambarkan tentang bahaya penyakit angan-angan kosong dan *Itbā‘ Al-Hawa* ini beliau berkata:

“Ada pun banyak angan-angan itu akan melupakan seseorang kepada hari akhirat, dan *Itbā‘ Al-Hawa* itu akan menutup pintu hati seseorang daripada menerima hak dan kebenaran. Orang yang lebih celaka hidupnya di dunia ialah orang-orang yang sepanjang hayatnya fikirannya dipenuhi oleh angan-angan kosong yang tidak mempunyai apa-apa tujuan, dan juga orang-orang yang mengikut hawa nafsunya tanpa mengira akibat-akibat buruk yang akan diterimanya. Barang siapa yang menghiasi dirinya dengan perbuatan-perbuatan maksiat

dan mungkar di maya pada ini, maka ia tidak akan berbahagia di hari akhirat kelak.”

Pada suatu hari datangnya seorang pemuda samseng berjumpa Amirul Mukminin Umar Ibnu Al-Khattab *raḍīya Allahu ‘anhu*, kedatangannya itu oleh Saiyidina Umar dengan hormat serta diberi makan. Kemudian ia dipanggil dan meminta kepadanya supaya ia meninggalkan pekerjaannya yang keji dan suka berbuat aniaya ke atas orang-orang yang tidak bersalah itu. Maka berkatalah Saiyidina Umar memberi nasihat kepada pemuda samseng itu:

“Demi Tuhan yang diriku di dalam pemeliharaan-Nya, kalaulah sifat kebaikanku berkurang (Saiyidina Umar Ibnu Al-Khattab terkenal dengan ganas dan kejam pada zaman jahiliah – P). Nescaya aku akan masuk ke dalam golonganmu, hidup bersama-samamu melakukan kekejaman dan kezaliman terhadap sesama manusia. Kalau aku mahu kehidupan secara liar, nescaya aku telah menjadi seorang yang hidup mewah dan kaya raya. Tetapi kita tunggulah kesenangan dan kemewahan yang hakiki itu datang menggolek dengan sendirinya kepada kita pada hari lupunya perempuan-perempuan yang mengandung akan apa yang dikandungnya dan pada hati memuntahkan bumi akan segala isinya (hari kiamat). Aku akan tetap selamanya berpegang dengan sifat-sifat kebaikanku itu. Kerana aku telah mendengar Allah berfirman terhadap orang-orang yang suka melakukan kejahatan, membuat penganiayaan dan huru hara di dunia ini:

## Khutbah Jumaat . . .

**“Adhhabtum fayyibātikum fi hayātikum al-dunyā wastamta‘tum bihā fa al-yawma tujzawna ‘adhāba al-hūni bimā kuntum tastakbīrūn ft al-arḍi bighayri al-haqqi wa bimā kuntum tafsuqūn”**

Maksudnya: “Telah kamu sia-siakan segala kesenangan kamu sewaktu kamu hidup di dunia dan bersuka ria kamu dengannya dan sekarang kamu dibalas dengan seksa kehinaan, lantaran kamu takbur di muka bumi dengan tiada kebenaran dan lantaran kamu dari golongan orang-orang fasik (yang suka menimbulkan huru hara).”

Inilah di antara sifat-sifat orang yang berangan-angan kosong mencari kemewahan hidup di dunia dengan jalan yang tidak diredhai Tuhan, hingga mereka lupakan pembalasan-pembalasan yang akan mereka terima di hari akhirat.

Ada pun *Itbā‘ Al-Hawa* (mengikut kemahuan nafsu) sebagaimana yang telah dikatakan oleh Imam Ali *karam Allāhu wajhah* ialah menutup pintu hati seseorang dripada menerima haq dan kebenaran. Sejelasa-jelas contoh yang telah berlaku pada zaman silam ialah perkataan yang dikeluarkan oleh kaum kafir Quraisy kepada Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi wa sallam* sewaktu baginda menyampaikan seruan-seruan yang haq kepada mereka. Kata mereka kepada Nabi: “*Allahumma kalau inilah dia perkara haq yang engkau serukan kepada kami, maka turunkanlah ke atas kami hujan batu dari langit atau datangkanlah kepada kami azab yang pedih.*”

Seterang-terang contoh berhubung dengan “*Itbā‘ Al-Hawa*” pada zaman moden ini ialah gelombang *Ilhād* (fahaman *Atheis*) yang tidak percayakan adanya Tuhan di kalangan setengah daripada masyarakat Islam pada hari ini, penganut-penganut Islam sendiri telah memilih perbuatan-perbuatan yang menuju kepada keimanan. Mereka dengan secara terang-terangan telah berani menyangkal dan melanggar hukum-hukum agama yang mereka anuti, sekalipun di hadapan mereka terbentang dengan nyatanya akan dalil-dalil keesaan Tuhan, dan hujah-hujah kekelakaan yang akan diterima oleh orang-orang yang melanggar undang-undang Tuhan itu. Meskipun kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa Tuhan ada, dengan kekuasaan-Nya yang Maha Agung terciptalah alam yang luas ini, di tangan-Nya lah kuasa pentadbiran mengendalikan kehidupan manusia dengan teratur rapi, namun begitu mereka-mereka yang mengikut tarikan kemahuan hawa nafsunya tetap juga berdegil tidak mahu menerima segala kenyataan yang berada di sekeliling mereka, mereka melarikan diri berpaling daripada hak dan kebenaran. Sifat-sifat orang yang seperti inilah telah diperkatakan oleh Tuhan di dalam al-Qur’ān sebagaimana firman-Nya di dalam *Sūrah Al-An‘ām* ayat (122):

**“Kaman mathaluhu fi al-zulumāt laysa bikhārāji minha kadhalika zuyyina lilkaafirīn ma kānū ya‘malūn”** Maksudnya:

“Mereka serupa dengan orang yang tinggal di dalam gelap gelita, tiada boleh keluar daripadanya, demikianlah orang-orang kafir itu memandang baik akan perbuatan yang mereka lakukan.”

**Wahai sekalian hamba Allah . . .**

**Takutilah kamu akan Allah!**

Saya bersyukur ke hadirat Allah yang telah membukakan dada kamu menerima ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam, Allah telah menyulahi hati kamu dengan cahaya keimanan dan kamu telah mempergunakan nikmat yang maha besar ini pada tempat-tempat yang diredai-Nya. Kamu telah berjaya mengusir dan memerangi pengaruh-pengaruh *Ilhād* yang cuba hendak mempengaruhi kamu dan anak-anak kamu dengan bersungguh-sungguh. Dengan keteguhan iman dan semangat kamu itu bererti kamu telah berjaya mempertahankan benteng-benteng kesucian Islam daripada dicerobohi oleh musuh-musuhnya. Dengan itu juga bererti kamu telah berjaya menghindarkan fitnah dan hasutan orang-orang yang sesat untuk meruntuhkan iman penganut-penganut Islam.

**“A‘ūdhu bi Allāhi mina al-shayḥān al-rajīm – Yā ayyuha alladhīna amanū ittaqū Allāh haqqa tuqātih wa lā tamūtunna illā wa antum muslimūn”.** Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Takutilah kamu akan Allah dengan sebenar-benar takut, dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan kamu sebagai orang Muslim.”

*Naf‘ana Allah wa iyyākum bihudā kitābih. . . Aqūlu qawlī hadhā wa astagfir Allāh al-‘azīm lī walakum wa lisā‘iri al-muslimīn min kulli dhanbi fa ‘istaghfirūh, innahu huwa al-ghafūr al-raḥīm.*

Dipetik daripada:  
(Majalah Akhbar al-‘Alam al-Islami)

### Kata-Kata Hikmah

Waktu itu seperti pedang, kalau engkau tidak memotongnya lebih dahulu ia akan memotong engkau.  
(Syair Arab)